

MAJALAH USAHAWAN


HUAT HUAT KOUPING SDN BHD



CERITA TENTANG KERJAYAAN MENJADI SEORANG USAHAWAN

- PROFIL USAHAWAN
- PROFIL SYARIKAT
- PRODUK KELUARAN HUAT-HUAT
- CABARAN DALAM PERJALANAN
- KUNCI KERJAYAAN DALAM PERNIAGAAAN
- CADANGAN KEPADA USAHAWAN MUDA

KANDUNGAN



Tajuk	Page
Profil usahawan	1
Profil syarikat	2
Produk keluaran Huat Huat	4
Cabaran dalam perjalanan	8
Kunci kejayaan dalam perniagaan	10
Cadangan kepada usahawan muda	12

PROFIL USAHAWAN CIK TEE CHOO LING

Cik Tee Choo Ling dilahirkan pada 23 Ogos 1993 di Muar, Johor. Beliau memperoleh pengetahuan awalnya di SJK(C) Pei Hwa. Beliau juga merupakan pelajar sains semasa belajar di sekolah menengah iaitu SMK Dato' Sri Amar Diraja dan mendapat keputusan yang cemerlang dalam banyak subjek terutamanya Matematik dan Matematik Tambahan. Beliau juga merupakan seorang pelajar yang rajin dan membolehkannya mendapat kelulusan dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).



Selepas itu, beliau meneruskan pelajaran di Sunway Universiti untuk mencapai tahap kejayaan yang lebih tinggi dengan mengambil subjek sarjana muda sains dalam perakaunan dan kewangan. Beliau mula bekerja sebagai pengurus eksekutif akaun di Singapura selepas menamatkan pengajian di universiti. Selepas bekerja sendiri di luar beberapa tahun, beliau pulang dari Singapura dan mewarisi perniagaan bapanya. Beliau mula menguruskan perniagaan Huat Huat Kouping (M) Sdn Bhd dan telah menjadikannya dari sebuah kedai kecil kepada syarikat yang berjaya pada tahun 2016.

PROFIL SYARIKAT HUAT HUAT KOUPING (M) SDN BHD



Huat Huat Kouping (M) Sdn. Bhd ditubuhkan pada tahun 2016 oleh Encik Tee Tian Wat dan Puan Ling Geck Huay di daerah Muar dengan skop perniagaan yang kecil. Pada awalnya, Encik Tee Tian Wat memulakan perniagaan belia dengan Teochew Soft Cake. Penduduk tempatan mula memanggilnya “Neng Ko Huat” (soft cake huat) ketika perniagaannya berkembang. Mengikut kecanggihan teknologi, Huat Huat Kouping (M) Sdn. Bhd bukan sahaja menghasilkan kuih lembut Teochew tetapi juga menghasilkan pelbagai jenis pastry dan kuih tradisional.

Salah satu patri khas di Huat Huat adalah Salted Green Bean Pastry dan juga dipanggil sebagai Tau Shar Piah. Huat Huat Kouping (M) Sdn. Bhd membekalkan barangan dalam pasaran tempatan dan juga diperluaskan ke luar negara. Selepas beberapa tahun, Encik Tee memberikan anak beliau iaitu Cik Tee Choo Ling mewarisi perniagaannya supaya dapat membantu meringankan beban mereka. Selepas Cik Tee Choo Ling mewarisi perniagaan bapa, kedai yang kecil telah dikembangkan menjadi sebuah syarikat yang berjenama dan terkenal di daerah Muar. Selepas itu, Huat Huat Kouping (M) Sdn Bhd dikenali oleh ramai orang dan menjadi terkenal dan berjaya. Huat Huat Kouping (M) Sdn Bhd juga membekalkan barangan ke pasaran tempatan dan luar negara. Selain itu, Cik Tee juga menjalankan perniagaan secara talian untuk membantu meluaskan pasaran syarikat kepada orang ramai.

Cerita lama tentang perniagaan Huat Huat Kouping (M) Sdn. Bhd adalah sama seperti petang biasa, seorang yang sibuk diam-diam menguli doh di kedai. Walaupun perubahan teknologi, mesin secara beransir-ansur menggantikan tenaga kerja iaitu menjalankan proses mencampurkan, mengisar, dan membakar kuih ayam dengan mudah dan tidak perlu membazirkan kos tenaga kerja tetapi Encik Tee menegaskan bahawa pada pukul 6 pagi setiap hari, beliau datang ke kedai dengan pekerja- pekerja dan juga secara peribadi mengawasi seluruh proses untuk memastikan bahawa setiap kepingan 'kuih' dihasilkan dengan segar dan masih mengekalkan tradisional pada zaman dulu. Dengan lingkungan geografi Muar yang unggul dan sejarah jangka panjang dan budaya sudah mewujudkan kemunculan seratus kedai biskut di kawasan ini. Huat Huat Kouping (M) Sdn. Bhd mempercayai produk makanan yang dihasilkan melalui fokus dan ketekunan seseorang apabila membuat. Di kompleks ini, beliau tetap bersikap kesederhanaan agar dapat membangkitkan cita rasa tradisional. Pada zaman dulu, Huat Huat Kouping (M) Sdn. Bhd menjual kuih ringan Chaoshan dan kuih bulan buatan tangan gaya rumah. Setelah bekerja keras oleh Encik Tee dan Cik Tee Choo Ling, ia telah menjadi pilihan pertama bagi orang Muar sejak pada tahun 2016 dan juga mempunyai

ima buah kedai yang berjenama di tempat kawasan. Selain juga, Huat Huat Kouping (M) Sdn. Bhd juga memilih bahan yang berkualiti dan baik serta semula jadi supaya semua orang dapat menikmati selera yang paling lembut.



HASIL KELUARN HUAT HUAT KOUPIING SDN BHD



TAU SHAR PIAH MASIN

TAU SHAR PIAH ADALAH SALAH SATU BISKUT TRADISIONAL YANG DIBUAT DENGAN MANUAL OLEH HUAT HUAT KOUPIING (M) SDN BHD. TAU SHAR PIAH MEMPUNYAI DUA JENIS PERISA IAITU MASIN DAN MANIS. TAU SHAR PIAH JUGA ADALAH PAPAN TANDA SYARIKAT, BISKUT MASIN MEMPUNYAI PERKATAAN 'HUAT' DI MUKA BISKUT MANAKALA BISKUT MANIS MEMPUNYAI 'TIAN'. SELAIN TAU SHAR PIAH MASIN, TAU SHAR PIAH MANIS JUGA MEMPUNYAI HASIL JUALAN YANG TINGGI DAN DIGEMARI OLEH RAMAI PELANGGAN. KEDUA-DUA BISKUT INI TELAH MENJADI PRODUK UTAMA HUAT HUAT KOUPIING (M) SDN BHD DAN TELAH MEMBANTU MENINGKATKAN NAMA SYARIKAT KE NEGARA LAIN.

TAU SHAR PIAH MANIS



TAU SHAR PIAH (VEGETARIAN)

Tau Shar Piah juga mempunyai perisa vegetarian. Tujuannya adalah untuk memberikan pilihan kepada pelanggan yang gemar perisa vegetarian agar memenuhi cita rasa mereka yang pelbagai. Bagi kandungan Tau Shar Piah vegetarian adalah tidak mempunyai telur dan bawang dalam kandungan biskut ini tetapi baunya adalah wangi dan sedap sama seperti Tau Shar Piah yang perisa lain.



Bungkusan Tau Shar Piah
(masin)



Bungkusan Tau Shar Piah
(masin dan vegetarian)



Bungkusan Tau Shar Piah
(manis)

Bungkusan Tau Shar Piah tetap mengekalkan cara tradisional bungkusan di daerah Muar dan merupakan suatu bungkusan yang diturunkan pada awal tahun sehingga sekarang. Oleh itu, bungkusan tradisional biskut Huat Huat Kouping (M) Sdn Bhd mempunyai nilai yang tinggi dan dapat diingat oleh pelanggan selepas membelinya.



kuih lima rempah

Kuih lima rempah tradisional dibuat dengan menggunakan tepung kek, gula dan serbuk lima rempah. Kuih ini adalah tukang tangan tradisional dan hanya didapati di syarikat Huat Huat Kouping (M) Sdn.Bhd. Oleh sebab itu, kuih lima rempah juga merupakan sejenis produk makanan yang khas dan sedap di daerah Muar. Ramai pelanggan akan melawat ke Huat Huat Kouping (M) Sdn. Bhd untuk membeli produk ini.



KUIH BULAN BIJI TERATAI

KUIH BULAN KACANG MERAH

Bagi perayaan pertengahan musim luruh orang Cina, kuih bulan tradisional adalah sangat penting apabila menyambut hari perayaan ini. Oleh itu, Huat Huat Kouping Sdn Bhd juga mengeluarkan kuih bulan yang mempunyai banyak jenis perisa. Contohnya, perisa kacang merah, teh hijau (matcha), keladi dan lain-lain. Kuih bulan yang pelbagai perisa adalah untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan yang berbeza. Selain perayaan istimewa, Huat Huat Kouping (M) Sdn Bhd juga mengeluarkan kuih bulan seperti hari biasa.

Cabaran dalam perjalanannya

Kekurangan pelanggan

Pada mulanya, Cik Tee adalah kurang pengalaman dalam bidang ini dan tidak mengetahui cara untuk menguruskan perniagaan ini dengan baik. Beliau tidak memahami secara menyeluruh tentang perniagaan yang ingin diusahakannya. Pada mulanya, skop pelanggan beliau adalah lebih kecil dan banyak pelanggan yang terdiri daripada jiran dan rakan kerana keluaran produk belum diketahui oleh orang ramai. Hal ini menyebabkan proses penjualan produk yang dijalankan tidak begitu lancar dengan kekurangan sokongan pelanggan. Beliau bersikap positif dan berusaha memperkenalkan produk ke pasaran luar untuk menarik pelanggan yang lebih ramai. Selepas usaha beliau, perniagaan semakin bertambah baik dan pelanggannya menjadi ramai dan ada yang dari negara lain.

Kos operasi yang tinggi

Cik Tee sebagai seorang pemilik syarikat, beliau perlu mengetahui dan mengawalaliran kewangan syarikatnya untuk mendapatkan keuntungan. Syarikat beliau merupakan sebuah syarikat yang pembuatankuih yang memerlukan bilangan pekerja yang banyak dalam proses pengeluaran produk. Banyak pemprosesan dalam syarikatnya adalah secara manual dan memerlukan banyak pekerja untuk beroperasi. Hal ini menyebabkan beliau perlu menanggung kos yang tinggi untuk membayar kos upah pekerja. Syarikat Cik Tee juga menggunakan teknologi yang canggih untuk menghasilkan produk dan teknologi tersebut juga memerlukan kos yang tinggi. Beliau juga perlu mengeluarkan kos untuk mempromosikan produk kepada pelanggan. Beliau memerlukan kos untuk membeli bahan yang diperlukan dalam pembuatan kuihnya dan membuat bayaran terhadap kos lain seperti kos elektrik dan air, kos pengangkutan dan sebagainya. Kos operasi yang tinggi ini telah menjadikan bebanan terhadap beliau semasamengushakan perniagaannya.

Bersaing dengan pasaran sedia ada

Pasar yang sedia ada adalah pasar di mana pelanggan sudah menghabiskan wang untuk membeli produk atau perkhidmatan yang sama yang dijual oleh syarikat tertentu. Syarikat beliau merupakan sebuah syarikat yang mengeluarkan kuih-kuih tradisional. Terdapat syarikat lain yang menghasilkan produk yang hampir sama dengan syarikatnya di pasaran. Hal ini menyebabkan syarikat beliau menghadapi persaingan yang sangat besar dalam penjualan produk kepada pelanggan. Namun, beliau tidak putus asa sebaliknya ini menjadi suatu dorongan untuk mencapai kejayaan. Hal ini telah mendorong beliau mula merancang strategi mencipta produk baru untuk memenuhi cita rasa pelanggan yang pelbagai. Akhirnya produk syarikat beliau telah menjadi terkenal dan disukai oleh ramai orang

Kesukaran untuk melatih pekerja mahir

Sebuah syarikat tidak boleh dijalankan dengan sendiri dan memerlukan kerjasama semua orang termasuk pekerja. Syarikat beliau menghadapi kesukaran untuk mencari pekerja yang mahir dalam pembuatan kuih tradisional. Kuih tradisional perlu dibuat secara manual dan memerlukan pekerja yang berpengalaman tetapi kekurangan pekerja mahir dalam bidang ini. Hal ini menyebabkan beliau perlu memberikan latihan kepada pekerja yang tidak mahir untuk mengetahui cara pembuatan kuih tersebut. Terdapat pekerja yang tidak dapat membuat kuih tersebut dengan baik dan adanya pekerja yang telah mahir memilih untuk meletak jawatan. Ini telah menjadikan suatu masalah semasa menjalankan perniagaan beliau dengan perlu melatih pekerja semula. Beliau perlu memastikan semua pekerja telah memahami proses pembuatan agar produk yang dikeluarkan dalam tahap kualiti yang ditetapkan.

KUNCI KERJAYAAN DALAM PERNIAGAAN



Tidak berputus asa apabila mengusahakan perniagaan

Orang akan mudah putus asa apabila berlaku sesuatu perkara buruk yang tidak disangka dan sukar ditangani. Cik Tee menanamkan semangat berteguh pada diri sendiri semasa menjalankan perniagaan. Apabila menghadapi sesuatu perkara yang sukar dalam perniagaan, beliau tidak akan berputus asa dan berusaha untuk menyelesaikan masalah tersebut sehingga mencapai kejayaan. Beliau pernah menghadapi masalah kekurangan pelanggan dalam perniagaan kerana belum dikenali oleh orang ramai. Namun begitu, beliau tidak berputus asa sebaliknya percaya bahawa penjualan produk mereka akan menjadi lebih baik dan diketahui serta disukai oleh ramai pelanggan. Beliau berusaha membuktikan kemampuan diri sendiri dengan memperkenalkan produk mereka ke orang ramai melalui pelbagai strategi. Hal ini kerana beliau percaya bahawa seseorang usahawan tidak boleh berputus asa apabila menghadapi cabaran agar perniagaan dapat mencapai prestasi yang tinggi.

Pemasaran yang berkesan dalam penjualan produk

Pemasaran merupakan sebuah langkah bagi memperkenalkan perkhidmatan atau produk kepada orang ramai dan difokuskan kepada pelanggan yang berminat. Cik Tee percaya bahawa strategi pemasaran haruslah dilaksanakan dengan baik dan berkesan agar dapat meningkatkan jualan sesebuah syarikat. Beliau telah memasarkan produk biskut syarikat melalui online iaitu dijual di atas Shopee dan juga Lazada. Pelanggan dapat membeli produk mereka secara online dan tidak perlu melawat ke kedai sendiri. Hal ini telah menarik minat pelanggan untuk membeli kerana mendapatkan barang yang ingin dibeli dengan mudah, cepat dan boleh dilakukan pada bila-bila masa. Pelanggan dari luar negara juga dapat membeli produk syarikat Huat Huat Kouping (M) Sdn Bhd melalui Shopee dan Lazada. Hal ini telah membantu syarikat beliau memperluaskan pasaran ke luar negara. Selanjutnya, beliau juga membuka facebook untuk syarikatnya yang bernama Huat Huat Kouping. Hal ini penting dalam pemasaran produk kepada pelanggan kerana dapat selalu mengemas kini maklumat terkini tentang produk syarikat kepada pelanggan.

Berani menanggung risiko

Sifat seseorang usahawan yang paling penting adalah berani mengambil risiko dalam melakukan sesuatu penilaian dan pertimbangan terhadap risiko, kerana risiko yang terhitung akan menjamin pulangan yang selamat. Oleh itu, ini dapat menanggung beban syarikat dan memimpin pekerja menghadapi masalah yang berlaku pada masa akan datang. Cik Tee berani menanggung risiko perniagaan apabila berlaku penularan wabak covid-19 yang serius pada masa kini, beliau tidak meninggalkan tanggungjawab diri seseorang usahawan dan meneruskan perniagaan dengan strategi yang baru dan baik. Mengikut berita harian, terdapat banyak syarikat terjejas dan mengalami kerugian atau penutupan syarikat. Cik Tee menanggung semua risiko syarikat dan mencari akal seperti menjalankan perniagaan atas talian dan laman web penjualan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Melalui cara ini telah mendapat keputusan yang baik dan dapat meningkatkan keuntungan syarikat. Cik Tee tidak takut melakukan sesuatu yang kegagalan kerana beliau mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa keputusan yang dibuat akan memberi akibat yang baik

Berfikiran yang positif semasa menghadapi cabaran

Fikiran yang positif juga salah satu kunci kejayaan seseorang usahawan. Tanpa pemikiran yang positif, seseorang mungkin mudah berputus asa dan kecewa apabila menghadapi sesuatu perkara yang kegagalan yang tidak boleh dielakkan. Oleh itu, Cik Tee sentiasa berfikir positif apabila syarikat menghadapi sesuatu cabaran dan ini merupakan strategi yang betul untuk menyelesaikan cabaran. Walaupun beliau takut bahawa kedatangan Covid 19 akan menjejaskan operasi perniagaan, tetapi beliau meyakinkan bersikap positif akan mendapat akibat yang baik. Oleh itu, syarikat Huat Huat Kouping (M) Sdn Bhd dapat menjalankan perniagaan seperti biasa dan menggunakan teknik pemasaran yang baru iaitu penjualan atas talian walaupun terjejas oleh Covid-19. Fikiran positif amat penting terhadap seseorang usahawan kerana dapat memotivasikan diri untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

CADANGAN KEPADA USAHAWAN MUDA

- **Mengamalkan sikap positif**

Beliau mengatakan bahawa sebagai usahawan muda perlu mempunyai sikap yang positif semasa menyelesaikan sesuatu masalah. Hal ini kerana menjadikan seorang usahawan perlu menanggung risiko yang tidak dapat dijangkakan. Oleh itu, beliau mengharapkan bahawa usahawan muda dapat bersikap positif untuk menghadapi cabaran yang terdapat dalam perniagaannya tanpa berputus asa. Beliau juga mengamalkan sikap positif dalam sendiri semasa menguruskan perniagaan walaupun mengalami cabaran atau kekangan.

- **Sentiasa berfikiran terbuka**


Cik Tee berkongsi tentang pengalamannya semasa menjadi seorang usahawan. Beliau dapat menerima pandangan dan kritikan orang lain dan menjadikannya sebagai satu dorongan untuk memajukan diri sendiri. Beliau memberi cadangan kepada usahawan muda dapat berfikiran terbuka dalam semua masalah dan dapat mendengar serta menerima pandangan orang lain. Hal ini kerana beliau sentiasa berfikiran terbuka semasa menjalankan perniagaan dan fikiran ini telah menyebabkan beliau mencapai kejayaan yang lebih tinggi dan dapat menghadapi segala kesukaran.

- **Mempunyai sistem yang mudah dan teratur**

Cik Tee menguruskan perniagaan Huat Huat Kouping (M) Sdn. Bhd dengan mempunyai suatu sistem sendiri yang teratur. Tujuannya adalah untuk menjadikan kerja yang dilaksanakan lebih mudah dan cepat. Beliau memberi cadangan kepada usahawan muda sebagai pengurus syarikat, seseorang itu perlu mempunyai sistem yang teratur agar operasi perniagaan dapat berjalan lancar. Hal ini kerana sesebuah syarikat memerlukan peratutan dan SOP sendiri dan kerja perlu dilakukan langkah demi langkah. Dengan peraturan dan SOP ini, perniagaan beliau telah berjalan dengan teratur dan jualan syarikat juga berjaya dipertingkatkan



GAMBARAN TEMU BUAL DENGAN CIK TEE CHOO LING



HUAT HUAT KOUPING (M) SDN BHD



Huat Huat Kouping (M) Sdn. Bhd.



HUAT HUAT KOUPING



WWW.HUATHUATKOUPING.MYINFO.MY



HUATHUATKUPIN@GMAIL.COM



06-986 9155

